

23/09/1999

Kerajaan bertolak ansur dengan pelabur

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengurangan daripada 30 kepada 10 peratus bagi cukai keluar ke atas penghantaran keuntungan pelabur asing mulai semalam menunjukkan kerajaan sedia bertolak ansur dalam menangani masalah pelabur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, setelah pengurus dana amanah asing mendakwa mengalami kesulitan apabila Malaysia mengenakan sistem cukai keluar dua peringkat yang diperkenalkan pada 15 Februari lalu, kerajaan menukarkannya kepada sistem cukai keluar sama rata pada kadar 10 peratus.

"Jika ia tidak memudaratkan (ekonomi) negara, kita boleh menukarkannya," katanya pada sesi dialog dengan peserta persidangan dan pameran Multimedia Asia (MMA) di Seri Kembangan dekat sini, hari ini.

Beliau ditanya oleh wakil Bank Dunia apakah jaminan yang boleh diberi oleh kerajaan bahawa tiada sekatan maklumat dalam operasi di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir berkata, pihaknya menjamin bahawa maklumat tidak akan dihadkan atau ditapis membolehkan pengaliran maklumat keluar masuk di MSC berlaku secara bebas.

"Kita sangat fleksibel kerana hanya inilah cara yang menjayakan kita, dengan mendengar (pendapat) orang lain. Kita bersikap mesra peniaga. Kita percaya dalam Konsep Persyarikatan Malaysia", yang bermakna kerajaan harus berunding dengan sektor swasta dan mendengar (pandangan) mereka.

"Sudah tentu, mereka juga perlu mendengar (pendapat) kerajaan tetapi kita selalunya mendengar pandangan mereka. Jika mereka mempunyai idea yang bagus untuk kita (kerajaan), kita sentiasa sedia melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata, inilah reputasi negara kepada pelabur asing yang menyebabkan ramai daripada mereka datang ke Malaysia.

"Sudah tentu, ada kenyataan retorik lain dibuat pemimpin politik tidak bertanggungjawab tetapi mereka (pelabur) tidak terjejas oleh perkara seperti itu," katanya.

Katanya, peniaga lebih berminat kepada perkara yang membolehkan mereka berupaya meramalkan masa depan termasuk membabitkan perubahan dasar kerajaan secara mendadak.

"Contohnya, pada pilihan raya umum akan datang, sama ada parti Islam (Pas) menang dan memutuskan untuk membuang semua televisyen dalam longkang kerana ia adalah barangan syaitan.

"Bagaimanapun, mereka belum menang dan mereka tidak mungkin akan menang. Oleh itu, ini satu jaminan kepada anda (pelabur) bahawa kita tidak akan membuat perubahan mengejut...kecuali ada orang cuba melakukan benda baru ke atas kita dan memudaratkan kita," katanya.

Pameran MMA '99 selama lima hari itu dianjurkan bersama oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd serta Mimos Berhad.

Ia bertujuan mempromosi MSC sebagai "hadiah kepada dunia" oleh Malaysia untuk menguji idea dan keunggulan pentadbiran dalam era teknologi baru. Pameran itu membabitkan keluaran 100 syarikat terkemuka negara yang terbabit dalam multimedia, komunikasi dan teknologi aplikasi.

(END)